

informasi
inovasi
ilmiah
intelektual
internasional
Islamik

BIL. 83
SEPTEMBER 2009
PP11896/07/2020(024702)
HARGA RM5.00



**Bom Hotel JW Mariot
Benarkah Angkara
Noordin Mat Top?**

► **ISLAM DAN SAINS**
Perbezaan Awal
Puasa & Raya:
Malaysia &
Timur Tengah

► **DUNIA ISLAM**
Populasi Muslim
Melebihi Yahudi
di Amerika

Majalah i
www.karangkraf.com/majalah i



PENGALAMAN ROHANI
iz Juara
na Badan Jadi
ie Terkenal
KUS ILMU
dah Kita
hami Erti

anar Puasa?
Bp
ara Kerjaya,
uaga &
ma38k

MENGENALI

Yakjuj & Makjuj

**Keluarnya Yakjuj dan Makjuj
Petanda Dekatnya Hari Kiamat**

► **CAHAYA HIDAYAH**

Sara Bokker, Model yang Mendapat Hidayah



ISSN 1675 - 3453



Ulasan Berkaitan PTPTN Baru Berasaskan Ujrah

Soalan,

Saya ingin tahu berkenaan pengumuman rasmi PTPTN yang mengkhabarkan pertukaran konsep pinjaman sebelum ini yang berasaskan caj perkhidmatan (peratusan tertentu disandarkan kepada jumlah pinjaman dan baki setiap bulan) kepada konsep ujrah.

Jawapan,

Konsep ini telah diluluskan oleh Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam pada 28 Julai 2008. Atas dasar itu, saya boleh mengucapkan tahniah kepada PTPTN atas perubahan terbaru yang dilakukan. Walaupun konsep baru tersebut masih boleh dibincangkan, namun ia adalah lebih baik berbanding konsep caj perkhidmatan sebelum ini yang tidak disahkan oleh mana-mana majlis Syariah, selain kejelasan unsur riba dalam kiraannya.

Oleh USTAZ HJ. ZAHARUDDIN
HJ. ABD RAHMAN



B.A (Hons), Usuluddin,
UM; M.A (Hons)
Fiqh & Usul Fiqh,
Yarmouk, Jordan.
Pensyarah di Universiti
Islam Antarabangsa
Malaysia (UIAM).
Beliau boleh dihubungi
di www.zaharuddin.com /
email [zaharuddin@
yahoo.com](mailto:zaharuddin@yahoo.com)



Apa yang paling menonjol dalam kiraan terbaru adalah perbezaan peratusan yang dikenakan kepada pelajar, dahulu dikenakan 3 peratus dari jenis kiraan 'reducing balance' atau 3 peratus dan hutang berbaki yang jelas adalah RIBA, ia juga sama dengan cara kiraan riba oleh bank-bank konvensional.

Dengan konsep ujrah sekarang, caj telah diturunkan kepada 1% dan ia pula bersifat flat dan tidak lagi dikira berdasarkan baki bulanan pinjaman. Secara umumnya, ia jauh lebih murah berbanding cara kiraan sebelum ini. Menurut statistik perbandingan, penurunan adalah sebanyak 47 - 48 peratus.

Ujrah

Untuk pengetahuan pembaca, 'Ujrah' adalah perkataan di dalam bahasa Arab yang membawa erti "upah". Ia mempunyai kaitan dengan istilah 'Ijarah' iaitu sewa, kerana ijarah juga ada satu jenis dari upah, iaitu upah atas manfaat yang diberikan. Contohnya, sewaan rumah, bererti upah atas manfaat rumah yang disewakan. Ujrah juga boleh diletakkan di atas sesuatu tugas dan kerja, lalu ia dinamakan 'gaji' bagi para pekerja tetap di institusi awam dan swasta. Ia juga boleh tergolong dalam nama 'komisen' jika diletakkan kepada sebuah kontrak wakil (agensi) seperti seorang broker tanah yang mengutip upah atau komisen atas usahanya menjualkan tanah pemilik.

Semua konsep ujah dalam setiap kontranya mempunyai tatacara dan syaratnya agar ia dianggap sah dan halal di sisi syara'.

Justeru, apakah perbezaan di antara 'upah' yang halal dan 'caj perkhidmatan' yang haram?

Secara dasarnya, ia boleh jadi sama dan boleh berbeza bergantung kepada cara dan formula kira-kiranya. Melihat kepada formula kiraan antara keduanya, Alhamdulillah terdapat perbezaan tetapi ada yang masih sama.

Perbezaan

Bagi konsep ujah yang terbaru, formula kiraannya adalah:

**Upah = Jumlah pembiayaan
diluluskan x kadar upah x tempoh
bayaran balik**

Contoh, jika sekiranya pelajar meminjam sebanyak RM21,000, maka kadar upah adalah satu peratus setahun, untuk tempoh bayaran semula 10 tahun, maka jumlah upah adalah:-

**Upah = RM21,000 x 1% x 10 (tahun)
= RM 2,100**

Maka jumlah keseluruhan yang akan ditanggung atau perlu dibayar balik oleh pelajar dalam tempoh 10 tahun adalah :
RM21,000 + RM 2,100 = RM23,100


Jumlah ini jauh lebih kecil berbanding cara kiraan caj perkhidmatan yang akan menghasilkan jumlah RM25,116 iaitu dengan nilai RM 4,116 jumlah caj perkhidmatan ribanya.

Yang Sama Dan Berbeza

Walaupun tahniah diucapkan, pintu kritikan ilmiah, pembaikpulihan dan cadangan tidak semestinya tertutup, malah ia patut sentiasa digalakkan bagi mengembangkan kefahaman ilmu muamalat Islam. Telah disahkan oleh Jawatankuasa Fatwa Malaysia, cara kiraan ini tetap tidak berjaya menembusi piawai hukum yang diputuskan oleh para ulama antarabangsa. Ini adalah kerana cara kiraannya masih terdapat yang sama dengan cara kiraan riba sebelum ini, iaitu pada sandaran caj upah. Dahulu ia disandarkan kepada jumlah pinjaman, dalam konsep ujah terbaru juga disandarkan kepada jumlah pinjaman.

Sekadar ingatan kembali, di dalam hukum Islam, pemberi pinjaman sama ada individu, institusi kewangan swasta atau kerajaan, tidak boleh mengenakan sebarang caj kewangan kepada peminjam khususnya dari jenis peratusan yang disandarkan kepada jumlah pemberian pinjaman. Berubah dengan berubahnya jumlah pemberian pinjaman.

Namun cara kiraan yang diguna pakai oleh PTPTN 'ujah' yang baru masih disandarkan kepada jumlah atau nilai pinjaman yang diberikan. Selain atas dasar kefahaman nas, para ulama antarabangsa melarangnya untuk mengelakkan caj upah ini menjadi helah kepada riba (helah ribawiyah) yang asalnya caj tambah kepada pinjaman kerana tempoh (*time value of money*). Kerana dari sudut konsep dan jurus pandangan ekonomi, kedua-dua jenis caj riba dan upah itu adalah sama. Jalan keluar yang paling kukuh adalah TIDAK MENJADIKAN jumlah pinjaman sebagai



sandaran untuk mengira upah.

Menurut keputusan Majlis Fiqh Antarabangsa dan lain-lain majlis Shariah yang berautoriti tanpa kepentingan tertentu di mana-mana syarikat dan institusi kewangan di seluruh dunia, caj yang dibenarkan dikenakan kepada peminjam hanyalah kos sebenar yang lahir dari urusan pemberian pinjaman sahaja. Ia tiada kaitan dengan nilai pemberian pinjaman.

Cara kiraan caj atau kos sebenar itu menurut ijihad ulama antarabangsa adalah berdasarkan formula berikut:-

**Ujah = Actual Administrative Expenses During
The Year x 100 Average Asset During The Year**

Untuk mendapatkan *average asset during the period* berikut formulanya :

$$\text{Average asset} = \frac{A1 + A2}{2}$$

Nota Keterangan:

A 1 : Total asset at beginning of the period

A 2 : Total Asset at the end of the period

Cara inilah yang juga diiktiraf di Pakistan dan ulamanya, serta diamalkan bagi sebahagian jenis pinjaman di sana. Cara kiraan ini tidak meletakkan sebarang ikatan kepada jumlah pinjaman yang diberi. Ia lebih menepati ijihad majoriti ulama sedunia.

Kesimpulan

Apapun, yang pasti para pelajar Islam kini boleh menarik nafas lega kerana harga yang lebih murah dan kedua, ia telah disahkan oleh sekumpulan ulama Malaysia. Justeru, tiada lagi sebarang tanggungan spiritual yang harus mereka galas apabila mengambil pinjaman PTPTN. Secara peribadi, saya mengucapkan tahniah atas usaha dan kesungguhan untuk melakukan perubahan. Dan bagi Jawatankuasa fatwa yang meluluskan, kita harapkan ijihad mereka diterima di sisi Allah, jika tidak dua pahala, satu pahala masih milik mereka Insya-Allah. ❁